

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1523-MQT2485

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa laporan polis yang telah dibuat terkait dakwaan wujudnya unsur umpan, habuan dan ugutan ekoran sokongan beberapa ahli Parlimen kepada YAB Perdana Menteri.

2. PR-1523-MQT2484

Tuan Kalam bin Salan [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan *Standard Operating Procedure* atau SOP yang dilakukan oleh pihak sekolah setiap kali berlaku aduan mengenai kes membuli pelajar dan setakat mana kes-kes buli di sekolah dilapor kepada pihak polis serta diambil tindakan di dalam mahkamah.

3. PR-1523-MQT2480

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana sasaran Dasar Agromakanan Negara 2.0 boleh membantu pencapaian pembangunan sektor ternakan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 NOVEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 70

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1523-L21829
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang dapat dilakukan bagi memudahkan akses oleh Pejabat Pusat Khidmat Parlimen bagi membantu pemohon Sumbangan Tunai Rahmah (STR) menyemak status permohonan mereka memandangkan tidak semua pemohon celik IT dan mampu ke pejabat LHDN yang terletak jauh di bandaraya Kuching bagi urusan pengemaskinian.

2. PR-1523-L22648
Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status tender pembinaan sekolah Pendidikan Khas di Simpang, Parlimen Bukit Gantang yang dijadualkan akan dibuat pada September 2023. Bilakah pecah tanah ini dijadualkan.

3. PR-1523-L22159
Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan jelas apakah tindakan susulan yang akan diambil Kementerian selepas pertemuan dengan beberapa pengendali syarikat *e-hailing* yang beroperasi di Malaysia terutamanya berkaitan dengan semak semula harga tambang yang dikatakan terlalu rendah sehingga merugikan para pekerja yang berada di dalam sektor gig ekonomi ini.

4. PR-1523-L(5)00187

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini proses penyelenggaraan dan penambahbaikan yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi melancarkan lagi servis di Hospital Pakar Sultanah Fatimah di Muar berikutan keadaan hospital yang terlalu sesak.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

5. PR-1523-L22701

Tuan Wong Kah Woh [Taiping] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah PAWE yang masih wujud dan aktif setakat kini. Sama ada Kerajaan bercadang untuk membenarkan penubuhan PAWE baru.

6. PR-1523-L22340

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :

- (a) tindakan Kementerian bagi mengawal penyakit Pestalotiopsis yang memberi kesan buruk kepada pengeluaran susu getah dan apakah cara untuk memastikan kos rawatannya tidak membebankan penoreh; dan
- (b) langkah yang diambil bagi memastikan harga getah dapat ditingkatkan sesuai dengan kenaikan kos sara hidup pada hari ini.

7. PR-1523-L21930

Dato' Ramanan Ramakrishnan [Sungai Buloh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan dari pihak Kementerian mengenai program-program pembangunan dan pemantapan usahawan digital.

8. PR-1523-L22224

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) apakah skop dan tahap yang digunakan oleh Kerajaan bagi menentukan sesuatu perkara itu tergolong atau tidak dalam konsep 3R; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang khusus berkaitan perkara 3R yang dimaksudkan ini.

9. PR-1523-L21248

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah daif di kawasan Baram serta senaraikan sekolah-sekolah daif yang telah siap dan sedang diperbaiki. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah dilulus dan dibelanjakan sehingga sekarang.

10. PR-1523-L22620

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memperbaiki sistem percukaian individu dan korporat dalam negara dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan, menaikkan atau menurunkan apa-apa cukai individu atau korporat dan jangkaan kesan terhadap kutipan cukai daripada langkah tersebut.

11. PR-1523-L21816

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jenis bantuan dan sokongan perniagaan serta jumlah bantuan atau sokongan khusus kepada pengusaha dan koperasi di negeri Sabah.

12. PR-1523-L21957

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan lebih spesifik berkaitan status kajian ICQS yang dinyatakan semasa KSP RMK-12 pada 18 September 2023 lepas yang berstatus dalam kajian ketika menjawab soalan tambahan oleh saya.

13. PR-1523-L21639

Tuan Suhaizan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sumber-sumber pendapatan baru negara dan apakah usaha-usaha penerokaan sumber pendapatan baru yang sedang dirancang.

14. PR-1523-L21976

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) apakah telah dilaksanakan konsep 1 guru 25 murid di sekolah-sekolah Kementerian sebagaimana telah diwar-warkan; dan
- (b) adakah dasar ini masih digunakan atau masih dalam kajian dan bilakah jangkaan untuk dilaksanakan.

15. PR-1523-L22060

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan tentang membina sebuah Klinik Kesihatan di tanah seluas 2.02 hektar yang diperuntukan oleh Eco-World di kawasan Eco-Grandeur di Puncak Alam yang sedang pesat membangun dan mempunyai penduduk 100,000 dalam waktu terdekat.

16. PR-1523-L21737

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai data statistik pertambahan pemilikan kenderaan individu di seluruh negara dalam jangkamasa 5 tahun lepas dan adakah ada perancangan strategik untuk mengawal kadar pertambahan kenderaan tersebut berbanding dengan kemudahan jalanraya sedia ada.

17. PR-1523-L21663

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa rakyat di Lembah Klang perlu beratur dari awal-awal pagi sama ada di ofis Jabatan Imigresen atau Pusat Transformasi Bandar (UTC) untuk mendapatkan nombor bagi tujuan pembaharuan *passport*.

18. PR-1523-L22332

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tenaga bukan guru yang ditugaskan untuk menjaga peperiksaan awam sebab senarai guru untuk menjaga peperiksaan telah diminta.

19. PR-1523-L21838

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan persediaan untuk mengkaji dan menyemak semula semua kadar bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk dinaikkan malah memperkenalkan skim baharu buat setiap golongan rentan dalam masa terdekat selari dengan lonjakan kos sara hidup.

20. PR-1523-L22560

Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan semakan terhadap Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, Akta Pertaruhan Wang Terkumpul 1967, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan 1953 bagi menangani isu perjudian secara komprehensif.

21. PR-1523-L21259

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pengambilan guru pelatih di Institut Perguruan di Sarawak untuk setiap tahun dari 2018-2022 dan nyatakan pecahan mengikut kumpulan etnik Sarawak.

22. PR-1523-L21552

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian berhasrat memperkenalkan mata pelajaran kenegaraan, politik dan integriti di sekolah-sekolah menengah di dalam negara ini.

23. PR-1523-L21911

Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setiap tahun Kerajaan menerima RM50 bilion dari Petronas sebagai dividen khas, bolehkah Kerajaan memberi sebahagian dividen khas tersebut untuk dibahagikan kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak iaitu Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak ataupun Petronas disuruh membayar dividen khas kepada negeri-negeri pengeluar minyak tersebut setiap tahun di mana negeri-negeri tersebut memerlukan hasil tambahan tersebut bagi membantu membangunkan infrastruktur dan ekonomi mereka.

24. PR-1523-L22032

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan supaya memantau dan mengkaji semula kebebasan akademi memandu yang mengenakan caj-caj tidak munasabah kepada pemohon baharu yang memohon lesen memandu. Kenapa kadar bayaran berbeza antara setiap akademi memandu bagi kategori permohonan yang sama.

25. PR-1523-L21126

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian bagi menangani isu peningkatan jumlah pengemis warga asing di negara ini terutamanya di ibu negara dan pusat bandar-bandar utama di seluruh negara.

26. PR-1523-L21302

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dalam kes perceraian, visa pasangan dibatalkan menyebabkan suami bukan warganegara meninggalkan Malaysia. Ini memberi cabaran kepada wanita warga Malaysia yang masih memerlukan sokongan bekas suami mereka. Apakah cadangan Kerajaan memastikan kepentingan pasangan bukan warganegara dan anak kekal di sini.

27. PR-1523-L21153

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah usaha untuk menyokong penubuhan tabung amanah negeri memandangkan Sidang Dewan Undangan Negeri sudah meluluskan Rang Udang-Udang Kumpulan Wang Amanah Kerajaan 2023 dengan menyalurkan peruntukan bajet Persekutuan ke Tabung Amanah Sabah sejajar dengan semangat penurunan kuasa.

28. PR-1523-L21971

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menghadapi masalah kejatuhan nilai mata wang dan nyatakan perbandingan nilai Ringgit Malaysia berbanding dengan mata wang negara-negara ASEAN.

29. PR-1523-L21562

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap anggota keselamatan Malaysia terlibat dalam tragedi kubur besar memandangkan anggota keselamatan di Thailand telah dihadap ke mahkamah atas penglibatan mereka.

30. PR-1523-L21995

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hala tuju pendidikan negara terkini akan digubal memandangkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025 bakal berakhir di samping sistem pendidikan yang banyak berubah pasca pandemik COVID-19.

31. PR-1523-L21833

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan atau rasional pelaksanaan syarat wajib lulus mata pelajaran Sejarah bagi SPM sejak tahun 2013 dan bolehkah dipertimbang untuk memansuhkan syarat tersebut yang dilihat menyukarkan pelajar lepasan SPM menyambung pelajaran.

32. PR-1523-L22669

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci jumlah penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa di Malaysia ke seluruh dunia semasa pandemik COVID-19 pada 2020 dan 2021 berbanding tahun 2022 dan 2023, berapakah jumlah penumpang yang menggunakan penerbangan antarabangsa bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 dari lapangan terbang antarabangsa di Malaysia untuk perbandingan.

33. PR-1523-L22265

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca kemudahan pengangkutan awam darat kurang mendapat sambutan pengguna di Malaysia memandangkan sasaran oleh Kerajaan sebanyak 40% penggunaannya tidak tercapai dan hanya mencecah 20% sahaja.

34. PR-1523-L22577

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam memastikan usahawan kecil dan sederhana khususnya dalam sektor peruncitan dan perkhidmatan negara agar terus berkembang dan menyumbang sekurang-kurangnya 30% GDP selari dengan keterlibatan 30% tenaga kerja di Malaysia.

35. PR-1523-L22652

Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [Putatan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan negara-negara maju telah memberi fokus kepada pengetahuan digital seperti kelas pengekodan (*coding*) yang diterapkan seawal peringkat sekolah rendah atau menengah di negara seperti New Zealand, Korea dan lain-lain. Nyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memberikan pendidikan awal kepada para pelajar yang berminat menceburι bidang ini di Malaysia.

36. PR-1523-L22234

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes 3R dan pendakwaan terhadap YB Bagan berkenaan ucapan beliau yang menuduh Gelombang Hijau "akan menafikan hak bukan Islam dan akan berlaku pemusnahan rumah ibadat mereka".

37. PR-1523-L21254

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status permohonan dan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Baru di Long Jegan, Long Aton, Kawasan Peking dan Ba' Pakan serta status baik pulih Klinik Kesihatan Long Lama dan pelaksanaan Klinik Kesihatan Long San Ulu Baram.

38. PR-1523-L22459

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan keupayaan layanan fisioterapi di semua hospital dan klinik-klinik di bawah KKM bagi mengurangkan masa menunggu dan meningkatkan masa rawatan terhadap pesakit.

39. PR-1523-L21218

Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini inisiatif Wakaf Madani seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 dan langkah-langkah terkini bagi mengembangkan potensi wakaf untuk menyokong agenda pembangunan negara dan umat Islam.

40. PR-1523-L22499

Datuk Matbalii bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan semula klinik-klinik kesihatan yangtelah dirobohkan disebabkan kawasan bangunan tersebut terlibat dengan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo (PBH).

41. PR-1523-L22507

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berhubung dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) penglibatan tenaga kerja wanita akan naik 60% dalam tempoh 10 tahun, apakah langkah-langkah sistem pendukung (*support system*) untuk menciptakan keseimbangan hidup wanita.

42. PR-1523-L21132

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menukar bentuk hukuman bagi kesalahan di jalan raya daripada mengenakan bayaran kompaun kepada hukuman yang lebih bersifat mendidik seperti Perintah Khidmat Masyarakat (PKM).

43. PR-1523-L21152

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan cadangan Penubuhan Lembaga Minyak Sawit Sabah bagi merancakkan usaha memperkasakan industri hiliran sawit dan membantu perkebun-perkebun kecil di Sabah dan nyatakan jenis-jenis bantuan yang sudah dan akan disalurkan dengan pekebun-pekebun kecil.

44. PR-1523-L21487

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah siasatan terkini ke atas kes bahan letupan termampat (IED) yang dipasang ke atas kereta Siti Kassim. Apakah tindakan KDN untuk memastikan insiden seperti begini tidak berlaku lagi ke atas mana-mana rakyat biasa, aktivis ataupun pemimpin.

45. PR-1523-L21514

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar SPM di Sarawak yang tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2022 dan apakah punca perkara ini berlaku serta apakah tindakan Kementerian untuk mengatasinya.

46. PR-1523-L21164

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan polis berhubung dengan laporan polis dengan no repot: Damansara/005081/23, dari salah seorang daripada kira-kira 4,000 pelabur yang menjadi mangsa dalam kes penipuan pelaburan melibatkan lebih daripada RM1 bilion seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kemanusiaan Malaysia serta tindakan yang telah diambil untuk membanteras sindiket ini.

47. PR-1523-L21479

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mata wang ringgit Malaysia mencatat paras harian terendah 4.6973 berbanding dolar Amerika Syarikat pada 21 September 2023:

- (a) faktor-faktor yang memberi tekanan kepada mata wang tempatan dan apakah langkah yang akan dan telah diambil Kerajaan untuk mengatasinya; dan
- (b) adakah Ringgit akan terus mengalami tekanan dalam masa jangka panjang.

48. PR-1523-L21557

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan galakkan untuk koperasi-koperasi dibabitkan secara aktif dalam pembangunan pertanian terutama dalam projek penanaman padi dan tanaman-tanaman bernilai tinggi dan yang menjadi keperluan utama rakyat dengan petani-petani tradisional dianjurkan untuk menubuhkan koperasi khusus untuk tujuan ini. Melalui koperasi, lebih mudah untuk dikawal dan diselaraskan sama ada untuk bantuan dan juga pengedaran hasil ladang kelolaan koperasi-koperasi ini. Program ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya di Korea Selatan.

49. PR-1523-L21314

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah tambang percuma pengangkutan awam kepada orang kurang upaya, warga emas, pelajar dan kanak-kanak patut dilaksanakan. Punca utama kerosakan kemudahan aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, nama syarikat yang bertanggungjawab dan apakah penyelesaiannya.

50. PR-1523-L21795

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik lebihan/kekurangan guru Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) terkini selepas usaha penandaan semula (*Re-tagging*) dan unjuran baharu keperluan guru BC dan BT dari 2024 sehingga 2029 serta rancangan selanjutnya untuk memastikan isu kekurangan guru di SJKC dan SJKT dapat diatasi.

51. PR-1523-L21286

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pampasan yang diberi kepada China atas pembatalan Multi Product Pipeline dan Trans Sabah Gas Pipeline.

52. PR-1523-L21240

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang perincian hasil rundingan Kementerian dengan Syarikat MyS Sdn Bhd untuk membeli MySejahtera dan pelan kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan MySejahtera.

53. PR-1523-L21365

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah bangunan sekolah baharu yang akan didirikan menggantikan bangunan lama yang uzur di Lawas dan berapa peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf bangunan lama dan rumah guru.

54. PR-1523-L22161

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status susulan terkini permohonan penambahan mesin pengeluaran automatik (ATM) Bank Rakyat untuk diletakkan di kawasan Parlimen Julau bagi kemudahan dan kegunaan orang ramai yang ingin membuat transaksi kewangan tanpa perlu lagi berulang-alik jauh sehingga ke Bandar Sibu atau Sarikei.

55. PR-1523-L22142

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah untuk menyelesaikan masalah peningkatan jumlah permohonan persaraan pilihan oleh tenaga pengajar kebelakangan ini yang disebabkan peningkatan beban luar bilik darjah dan tekanan daripada pihak pengurusan.

56. PR-1523-L22313

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana keberkesanan langkah-langkah yang diambil Kementerian dalam menyelesaikan isu *stunting* (bantut) dan *wasting* (susut) dalam kalangan kanak-kanak bawah usia lima tahun.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2024 (D.R.31/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2024 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis (9 November 2023)

2. (D.R. 36/2023) Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kewangan]
3. (D.R. 33/2023) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (12 Oktober 2023)**
[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
4. (D.R. 25/2023) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

“BAHAWA Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

5. (D.R. 26/2023) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Kesihatan]

6. PR-1523-U(27)278
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

7. PR-1523-U(27)279
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

[Menteri Dalam Negeri]

8. PR-1523-U(27)280
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

9. PR-1523-U(27)281
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

[Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]

10. PR-1523-U(27)283

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

[Menteri Dalam Negeri]

11. PR-1523-U(27)286

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

[Menteri Pendidikan]

12. PR-1523-U(27)287

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1523-U(27)290

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

14. PR-1523-U(27)291
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

[Menteri Dalam Negeri]

15. PR-1523-U(27)292
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1523-U(27)293

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1523-U(27)294

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

18. PR-1523-U(27)295

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1523-U(27)296

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

20. PR-1523-U(27)297

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

[Menteri Ekonomi]

21. PR-1523-U(27)298

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Perdana Menteri]

22. PR-1523-U(27)299

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

23. PR-1523-U(27)300

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

24. PR-1523-U(27)301

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

25. PR-1523-U(27)302

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

26. PR-1523-U(27)303

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

[Menteri Komunikasi dan Digital]

27. PR-1523-U(27)304

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

28. PR-1523-U(27)305

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 12	Penyata Jawatankuasa Dewan Bersama Dewan Negara Dan Dewan Rakyat	14 November 2023
DR. 13	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – <i>Littoral Combat Ship</i> Tentera Laut Diraja Malaysia Di Bawah Kementerian Pertahanan Malaysia Bagi Tempoh Jun Hingga September 2023	14 November 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.11.2023 (Selasa)	1. YB Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)	1. Perkembangan Dana Khas RM30 Juta bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	1. YB Menteri Pendidikan
2. 14.11.2023 (Selasa)	2. YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	2. Status Projek Naik Taraf Jalan Kuala Lumpur - Tanjung Malim (FT001)	2. YB Menteri Kerja Raya
3. 14.11.2023 (Selasa)	3. YB Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)	3. Kelulusan Kewarganegaraan (Kad Pengenalan) Malaysia	3. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**